



ANGGOTA APMM Zon Maritim Kuala Perlis merampas bubu naga di 0.3 batu nautika dari perairan Pulau Ketam, Kuala Perlis.

## Kayu pancang dedah bubu naga

HM 1/8/2022 M.S.: 21

**Kangar:** Masalah penggunaan bubu naga yang diharamkan di sekitar perairan Perlis tampak seperti tiada noktahnya apabila sekali lagi Agensi Pengawas Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas 20 set bubu kambang atau bubu naga, kelmarin.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, kewujudan bubu naga itu dikesan di kedudukan sekitar 0.3 batu nautika dari barat perairan Pulau Ketam, Kuala Perlis di sini kira-kira jam 4 petang.

"Bubu ini dikesan oleh bot peronda APMM yang sedang melaksanakan Op Aman dan Op Benteng Laut selepas curiga dengan pancang kayu yang mencurigakan di permukaan air sekitar perairan itu."

"Hasil tinjauan kita juga mendapati, pancang kayu itu adalah penanda lokasi tempat bubu naga dipasang oleh individu atau kumpulan yang tidak bertanggungjawab," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kesemua bubu naga yang dianggarkan bernilai hampir RM1,600 itu dirampas dan dibawa ke jeti APMM Zon Maritim Kuala Perlis bagi diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

Mohd Hashim berkata, segelintir nelayan di Perlis juga dikesan masih menggunakan bubu naga, walaupun penggunaannya sudah diharamkan Jabatan Perikanan Malaysia pada 1 November 2018.

"Tahap kesedaran yang rendah dalam komuniti nelayan serta keinginan mengaut untung yang cepat dan mudah antara punca penggunaan bubu naga masih berleluasa."

"Pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan," katanya.

Orang awam boleh membuat laporan, aduan dan kecemasan di laut dengan menghubungi APMM di talian 24 jam iaitu MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim APMM Zon Maritim Kuala Perlis di talian 04-9851072 atau 04-9851162.